

**Presiden Republik Czech Tiba Untuk Lawatan Rasmi Lima Hari
Bernama
04 Julai, 2012**

SEPANG, 4 Julai (Bernama) -- Presiden Republik Czech Vaclav Klaus Rabu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk lawatan negara lima hari ke Malaysia.

Ketibaan Klaus yang diiringi isterinya, Livia Klausova dan delegasi di Kompleks Bunga Raya, disambut Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Uggah Embas dan Timbalan Menteri Luar Datuk Richard Riot.

Lawatan pertama Presiden Republik Czech ke Malaysia adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, lawatan itu tepat pada masanya kerana Malaysia dan Republik Czech (dahulunya Czechoslovakia) telah menyambut ulang tahun ke-40 penubuhan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara tahun lepas.

Klaus dan isteri akan diberi sambutan negara dan Yang di-Pertuan Agong juga dijangka menjadi hos satu majlis jamuan negara di Istana Negara sempena lawatan itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678040>